


TOPIK 1.4: BEARING SUDUTAN


1. Pengenalan

- Bearing ialah arah sesuatu objek atau tempat dari satu titik rujukan.
- Bearing Sudutan ialah bearing yang diukur dari arah utara 0° mengikut arah pusingan jam.
- Bearing Sudutan juga dikenali sebagai Bearing Azimut
- Unit ukuran yang digunakan ialah unit ukuran darjah ($^\circ$).


2. Alat Mengukur Bearing Sudutan



Rajah 1: Jangka Sudut




Rajah 2: Jangka Sudut Bulatan




Rajah 3: Pembaris Multigeo

3. Asas Mengukur Bearing Sudutan

- Bearing sudutan **diukur** dari **utara** mengikut pusingan jam.
- Utara dijadikan sebagai permulaan mengira bearing sudutan kerana sudut utara bersamaan dengan nilai 0° .
- Asas mengukur bearing ditunjukkan rajah di bawah.




Rajah: Arah pengukuran bearing sudutan



4. Langkah-langkah Mengukur Bearing Sudutan


- Dalam menentukan bearing sudutan sesuatu tempat. Anda perlu mengetahui **titik rujukan** dan titik yang hendak dicari.



- Soalan: Apakah bearing sudutan titik Y **dari** titik X?
 Dalam contoh soalan di atas, kata sendi nama “dari” dijadikan sebagai penentu titik rujukan. Iaitu, bearing sudutan yang perlu dicari ialah titik Y dan titik rujukan ialah titik X.
- Langkah-langkah untuk mencari bearing sudutan titik Y adalah seperti berikut:


LANGKAH 1

1. Tentukan dua titik, iaitu titik X dan titik Y.
 Lukis garisan lurus yang menyambungkan kedua-dua titik.



LANGKAH 2


2. Tentukan **titik rujukan**.



Titik rujukan yang dikenal pasti adalah pada titik X. Lukis arah mata angin.

LANGKAH 3


3. Letakkan pusat jangka sudut pada titik rujukan.



Bearing sudutan diukur dari utara 0° hingga ke garisan XY, iaitu 120° .

Aktiviti 1


Cari bearing sudutan bagi soalan berikut:



Titik Rujukan	Bacaan Bearing Sudutan
Tasik dari Sekolah	
Klinik dari Padang	
Sekolah dari Klinik	

Aktiviti 2

Cari bearing sudutan bagi setiap lokasi berikut.



Lokasi	Bacaan Bearing Sudutan
Balai Polis	
Sekolah	
Bukit	
Tasik	
Hospital	

Nota:

Untuk lebih faham bagaimana mencari bearing sudutan. Sila tonton video tutorial yang cikgu telah sediakan di <https://youtu.be/hfoXBrfn55M>